

**PANDEMIK COVID-19: KEBERKESANAN PENYEBARAN
MAKLUMAT OLEH KERAJAAN DAN PEMATUHAN RAKYAT
TERHADAP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

**Nik Azmi Nik Omar, Nur Zainie Abd Hamid, Nabila Ahmad, Mohd
Fazil Jamaludin, Siti Fairuza Hassam**

ABSTRACT

The government has implemented a multitude of strategies, including media advocacy and communication in order to break the chain of COVID-19 transmission. Both traditional media and social media have been utilized to disseminate accurate and up to date information to improve public knowledge, understanding and confidence on tighter government rules i.e.- Movement Control Order – MCO and best practices (Standard Operating Procedure – SOP to contain the pandemic. With the aforementioned, the government aims enhance public compliance with latest policies and SOPs. A quantitative study was performed to evaluate the government's effectiveness in encouraging public compliance with the MCO via media advocacy during the COVID-19 pandemic. This policies as well as as enforced laws. This study prepared a survey in the form of 'google form' and distributed it to 1,211 Malaysian participants. The survey was distributed via e-mail notification from Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch and Institute of Public Safety of Malaysia (IPSOM). From the study, it is found that the Malaysian government has effectively disseminated the COVID-19 related information via both traditional media and social media to the public. Moreover, the study also verified that the degree of public awareness on the importance of MCO and Recovery Movement Control Orders (RMCO) to contain the COVID-19 pandemic is satisfactory. It is hoped that the information obtained from this study can assist the government in formulating future strategies to curb the COVID-19 pandemic.

Keywords: Compliance of Malaysian, Dissemination of Information, Malaysian Government, Movement Control Order (MCO), Pandemic COVID-19,

ABSTRAK

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi, termasuk melalui advokasi media dan komunikasi dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Kedua-dua media ini telah digunakan bagi menyampaikan maklumat yang tepat dan terkini untuk meningkatkan pengetahuan, pemahaman serta keyakinan masyarakat mengenai kepentingan utama bagi menentukan keberkesanan pematuhan rakyat terhadap Perintah Kawalan Pergerakan bertujuan untuk memastikan pematuhan secara sukarela oleh rakyat kepada dasar kerajaan dan undang-undang yang dikuatkuasakan. Kajian kuantitatif telah dilakukan bagi menilai keberkesanan maklumat oleh kerajaan dan pematuhan rakyat terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19. Kajian ini telah dilaksanakan ke atas 1,211 orang awam di seluruh Malaysia. Kaji selidik dalam bentuk ‘*google-form*’ telah diedarkan secara atas talian melalui e-mail pemberitahuan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah dan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM). Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa pihak kerajaan Malaysia telah berjaya dalam usaha untuk menyebar dan menyampaikan maklumat berkaitan pendemik COVID-19 kepada orang awam di seluruh Malaysia. Selain itu, tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pelaksanaan PKP–PKPB bagi mengawal penularan wabak COVID-19 juga adalah baik. Adalah diharapkan, maklumat yang diperolehi daripada kajian ini dapat membantu pihak kerajaan dalam merangka strategi-strategi yang sesuai bagi memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19.

Kata Kunci: *Kerajaan Malaysia, Pandemik COVID-19, Pematuhan rakyat, Penyebaran maklumat, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*

1. PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah memberi pelbagai impak terhadap kesihatan, ekonomi, sosial, budaya, agama dan psikologi kepada semua lapisan masyarakat seluruh dunia termasuk Malaysia. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 telah mengubah rutin harian kehidupan rakyat Malaysia. Secara umumnya, perlaksanaan PKP merupakan satu tindakan kerajaan Malaysia untuk mencegah penularan pandemik COVID-19 dengan cara memutuskan rantaian COVID-19 terutamanya di kalangan pesakit yang dijangkiti daripada kontak yang tidak dikenali (Rozita, 2020). Semasa PKP, media sosial digunakan secara meluas di mana ianya menjadi medium utama

rakyat Malaysia untuk melakukan kerja dari rumah, pengajaran dan pembelajaran, mendapatkan pelbagai maklumat terkini dan mengisi masa lapang.

Ledakan teknologi telah memudahkan penyebaran maklumat berkaitan pandemik COVID-19. Jika pandemik ini melanda dunia sebelum wujudnya ledakan teknologi maklumat sekitar 1980-an dan awal 1990-an, pastinya kerajaan Malaysia mahupun negara-negara lain akan menghadapi masalah dalam penyebaran maklumat tersebut untuk memerangi wabak COVID ini. Perkembangan teknologi pada masa kini membuatkan segala-galanya berada di hujung jari dengan penggunaan rangkaian internet serta pelbagai teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Situasi ini telah menjadikan masyarakat dunia lebih cakna dengan isu semasa yang melanda serta membantu mereka mendapat faedah kehidupan yang lebih baik.

Dalam keadaan suasana dunia diancam oleh pandemik COVID-19, maklumat perlu disampaikan dan digarap dengan seberapa pantas yang boleh. Ini kerana, kelewatan menerima maklumat boleh mencetuskan masalah dan kemudaran yang lebih besar. Masyarakat bukan sahaja lebih bermaklumat, malah mereka menjadi lebih peka dengan ancaman di sekeliling. Selain itu, aspek ketelusan dan ketepatan maklumat yang disampaikan juga adalah amat penting bagi memastikan kepatuhan rakyat Malaysia terhadap PKP yang dilaksanakan. Ini kerana, apabila maklumat dan tujuan perlaksanaan PKP yang hendak disampaikan oleh kerajaan difahami, maka ini akan menghadirkan kepatuhan dikalangan rakyat Malaysia tentang pentingnya mematuhi PKP dan sebarang arahan yang dikeluarkan sepanjang tempoh pandemik.

Bagi mengukur keberkesanan penyaluran maklumat oleh kerajaan Malaysia serta mengukur kepatuhan rakyat Malaysia terhadap PKP yang telah dilaksanakan semasa pandemik COVID-19, kajian ini telah dilaksanakan di kalangan rakyat Malaysia di seluruh negara.

2. KAJIAN LITERATUR

Penyebaran Maklumat Berkenaan COVID-19 Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 melalui advokasi media dan komunikasi. Pelbagai medium telekomunikasi telah digunakan bagi menyampaikan maklumat kepada masyarakat Malaysia yang menjadi kepentingan utama bagi menentukan keberkesanan amalan kebiasaan baharu dalam kalangan masyarakat. Malah strategi kerajaan Malaysia dalam memastikan usaha menangani wabak COVID-19 telah dipuji oleh pakar komunikasi dan penggiat literasi media Indonesia yang menganggap kerajaan Malaysia berupaya untuk memastikan maklumat yang disampaikan itu hanyalah daripada satu sumber bagi mengelakkan kekeliruan dalam penyampaian maklumat, bersifat telus mengenai keadaan sebenar dan memaklumkan langkah yang bakal diambil dan bersifat mencari penyelesaian dalam setiap tindakan yang diambil (Astro Awani, 2020).

Walaupun kredibiliti penyampaian maklumat berhubung COVID-19 seringkali dipersoalkan tentang kebenaran dan kesahihan fakta kerajaan Malaysia tetap bertindak secara proaktif dan telus dalam mengenalpasti ‘disinformasi’ yang merujuk kepada penyebaran maklumat palsu dengan niat sengaja untuk menipu. Hal ini adalah kerana, ‘disinformasi’ ini boleh membawa ancaman kepada kestabilan negara, keselamatan masyarakat dan perpaduan kaum jika dibiarkan berleluasa.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggunakan media sosial dan lain-lain kaedah penyampaian atas talian termasuk sidang media harian di beberapa rangkaian televisyen utama dan radio bagi menyampaikan maklumat penting berkaitan COVID-19 dengan cepat dan tepat kepada masyarakat umum. Antara maklumat yang disampaikan adalah perkembangan semasa kes, memperbetulkan salah tanggapan masyarakat tentang COVID-19, inisiatif kerajaan dalam merancakkan semula sektor ekonomi semasa dan selepas COVID-19 dan langkah pencegahan serta penjagaan diri seperti yang disarankan oleh WHO.

Liberalisasi maklumat membolehkan ianya disampaikan, diperolehi dan dikongsi dengan pantas kepada masyarakat umum. Selain daripada menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) bagi menyampaikan maklumat berkaitan COVID-19, kerajaan juga telah memperkenalkan aplikasi MySejahtera bagi membolehkan masyarakat umum membuat penilaian risiko dan penilaian kesihatan kendiri terhadap COVID-19, mendapatkan panduan mengenai tindakan yang perlu dilakukan sekiranya mempunyai risiko dijangkiti serta mengakses makumat penuh dan tepat berkaitan COVID-19 di dalam dan luar negara. Menteri Kanan (Pertahanan), Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob berkata sehingga 29 Mei 2020 seramai 770,216 orang telah mendaftar bagi menggunakan aplikasi ini manakala sekitar 929,276 orang telah menggunakan aplikasi ini bagi membuat penilaian kesihatan. Menurutnya lagi, aplikasi ini juga turut akan membantu kerajaan dalam pengurusan dan pengawalan jangkitan wabak COVID-19 apabila sektor ekonomi negara dibuka semula.

Kegagalan kerajaan tempatan di Wuhan, China dalam membuat keputusan yang cepat dan penyampaian maklumat yang terhad adalah merupakan punca utama kepada ketidak berkesanan penyampaian maklumat risiko kepada masyarakat umum (Zhang, Li, dan Chen, 2020). Penyampaian maklumat risiko yang efektif perlu dibuat secara terbuka dan pantas, mempunyai matlamat yang jelas bagi memperbetulkan tanggapan salah maklumat antara sumber, punca maklumat dan mereka yang menerima maklumat tersebut serta membantu mengubah tindakan masyarakat untuk berhadapan dengan risiko secara proaktif (Zhang et al., 2020). Berdasarkan sebuah artikel di “*The ASEAN Post*”, kejayaan Brunei dalam mengawal kebanjiran maklumat palsu dan ketelusan penyampaian maklumat kes baharu oleh pihak kerajaan membolehkan negara tersebut untuk tidak perlu melaksanakan PKP seperti yang dilakukan oleh negara – negara lain di Asia Tenggara.

Pematuhan Rakyat Terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Semasa Pandemik COVID-19

PKP adalah satu inisiatif besar yang telah dijalankan oleh kerajaan Malaysia bagi mengekang wabak COVID-19. PKP berlangsung mulai 18 Mac 2020 hingga 28 April 2020 (Fasa 1 – Fasa 3). PKP amat penting bagi mengurangkan interaksi antara ahli masyarakat dan mengurangkan kes jangkitan COVID-19 (Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, 2020). Wabak berjangkit

COVID-19 dapat dikawal menggunakan kaedah sekatan pergerakan (Chinazzi, et al, 2020 dan Sohrabi, et al, 2020). Tindakan ini selaras dengan Akta Kawalan Dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 bagi mengekang penyebaran virus COVID-19. Akta ini membolehkan pihak KKM dan PDRM untuk mengesan, kuarantin dan mendakwa mereka yang mengingkari undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Di samping itu, tindakan ini telah memberi kesan besar kepada rakyat dan sektor ekonomi di Malaysia kerana ramai rakyat yang tidak dapat berkerja dan beberapa sektor ekonomi juga lumpuh. Oleh itu, bagi mengurangkan impak yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dan memastikan PKP dijalankan dengan jayanya, pihak kerajaan telah menawarkan sejumlah besar bantuan kewangan di bawah program Bantuan Prihatin Nasional (BPN) bagi pelbagai sektor yang memfokuskan kepada rakyat (Berita Harian, 2020a). Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia telah menunjukkan sokongan yang padu terhadap PKP bagi mengurangkan beban barisan hadapan.

Di samping itu, penting untuk mengukur tahap pematuhan masyarakat bagi melihat kesan PKP kepada negara. Mengikut laporan akhbar, kadar pematuhan yang dicatatkan adalah berada di dalam linkungan 90 hingga 99 peratus semenjak PKP Fasa 1 dilaksanakan. Salah satu perkara penting yang diamalkan semasa PKP adalah penjarakan sosial. Oleh itu, bagi menjayakan PKP masyarakat perlu dididik dengan tanggungjawab baharu atau norma baharu iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun, mengamalkan penjarakan sosial, elakkan sebarang perhimpunan dan memakai pelitup hidung dan mulut ketika berada di tempat orang ramai (KKM, 2020). Mengikut kajian yang dilaksanakan oleh University of Sydney, 90 peratus pematuhan terhadap penjarakan sosial dapat mengurangkan kes-kes jangkitan baharu dengan sangat mendadak (ABC News, 2020). Teori ini juga disokong oleh laporan kes-kes jangkitan baharu di Malaysia yang telah mencecah dua angka sehingga PKP Fasa 3 dilaksanakan. Faktor ini juga didorong oleh kombinasi kuarantin dan kawalan pencegahan seperti penutupan sekolah, penjarakan sosial, larangan keluar negara yang telah memberi kesan besar terhadap penurunan kes-kes baharu, penyebaran dan kematian (NussbaumerStreit, Mayr, Dobrescu, Chapman, Persad, Klerings dan Gartlehner, 2020). PKP ternyata sangat penting bagi membolehkan kementerian untuk mengkaji virus, memahami sifat dinamiknya dan memberikan masa yang cukup untuk mengajar masyarakat dan mengambil sebarang langkah-langkah yang diperlukan.

Kontradiksinya, kes-kes ingkar yang dicatatkan turut juga meningkat walaupun kadar kepatuhan yang tinggi dicatatkan. Berdasarkan laporan, seramai 14,922 individu telah ditangkap sepanjang PKP Fasa 1 dan 2 disebabkan tindakan individu yang mengingkari arahan PKP untuk tinggal di rumah (Berita Harian, 2020b). Perkara yang sama berlaku di Toronto, di mana laporan yang diperolehi bercanggah samada kadar perintah yang rendah mencerminkan kepatuhan yang tinggi ataupun pengawasan dan penguatkuasaan yang rendah, tetapi kadar kepatuhan adalah tinggi. Hal ini disebabkan oleh masalah rekod dan pemakluman yang tidak tepat (Digiovanni, Conley, Chiu, And Zaborski, 2005). Selain itu, pelbagai cara telah digunakan oleh pihak berkuasa di dalam meningkatkan pematuhan rakyat terhadap PKP termasuklah mendirikan sekatan jalan raya, menjalankan rondaan berkala di tempat tumpuan, penutupan kawasan dan juga menggunakan khidmat dron (Berita Harian, 2020c).

Walau bagaimanapun, kes-kes ketidakpatuhan ke atas PKP adalah disebabkan beberapa faktor penting. Menurut Digiovanni, Conley, Chiu dan Zaborski (2005) dan Kraemer (2006), hilang sumber pendapatan, kekeliruan arahan, bantuan logistik dan tekanan psikologi adalah faktor penting mengapa ketidakpatuhan berlaku. Selain itu, ketidakpatuhan juga berpunca daripada masalah disiplin, sikap sambil lewa dan pentingkan diri sendiri (Berita Harian, 2020d). Terdapat juga kes-kes tangkapan yang berlaku seperti melaksanakan solat Jumaat, berjudi, berjoging dan berkeliaran tanpa sebab dan pelbagai lagi alasan yang tidak munasabah. Dalam pada itu, masyarakat juga memberikan reaksi emosi terhadap penjarakan sosial seperti ketakutan, pengasingan, kesunyian, kemurungan, insomnia dan kegelisahan. Akan tetapi, kebosanan merupakan faktor yang disebut secara khusus sebagai faktor ketidakpatuhan kepada PKP (Maunder, Hunter, Vincent, Bennett, Peladeau, Leszcz, Sadavoy, Verhaeghe, Steinberg dan Mazzulli, 2003). Walau bagaimanapun, kes-kes ketidakpatuhan ini dapat ditangani dengan baik oleh pihak berkuasa melalui tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang ingkar. Malaysia masih mengenakan kadar kompaun yang rendah berbanding negara-negara lain iaitu RM1,000 berbanding RM30,491 hingga RM60,982 di Singapura dan RM35,000 di Korea Selatan (Berita Harian, 2020e). Selain itu, pihak kerajaan juga akan mempertimbangkan untuk meningkatkan kadar kompaun dan menambah hukuman penjara disebabkan jumlah tangkapan yang masih ramai.

Pada keseluruhannya, kes-kes jangkitan wabak berjangkit COVID-19 di Malaysia berjaya dikurangkan semenjak PKP Fasa 1 dilaksanakan sehingga PKP Fasa 3. Mengikut kajian, jumlah kumulatif jangkitan baharu telah menurun sebanyak 24.54% kes pada PKP Fasa 2 dan penurunan sebanyak 38.9% pada PKP Fasa 3. Rekod perangkaan kes baharu semasa PKP Fasa 3 telah menunjukkan kesan yang positif dan menurut Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, kejayaan ini adalah hasil usahasama di antara rakyat dan kerajaan. Penurunan kes aktif COVID-19 sejak PKP Fasa 1 dilaksanakan menunjukkan pematuhan masyarakat terhadap PKP. Hal ini juga disokong dengan peningkatan jumlah pesakit sembah berbanding kes baharu untuk tiga minggu berturut-turut. (Basir, Ab Rahim, Abdul Halim, 2020).

3. METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang mengaplikasikan kaji selidik secara atas talian melalui emel pemberitahuan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah dan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSON) beserta pautan kutipan data kepada responden telah dilaksanakan. Maklumbalas yang diterima telah diambil untuk dianalisa bagi mengukur objektif kajian yang telah digariskan.

Persampelan

Kajian ini mengambil individu rakyat Malaysia sebagai analisis unit. Kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*) telah digunakan dalam memilih responden yang berpotensi untuk menjawab kaji selidik kajian. Secara keseluruhannya, 1,211 responden telah menjawab kaji selidik atas talian sepanjang tempoh kutipan data dijalankan.

Instrumen Kajian

Senarai soalan telah disediakan berdasarkan kajian literatur sebelum kaji selidik secara atas talian dijalankan. Sebanyak tiga soalan telah disediakan bagi mengukur keberkesanan penyebaran maklumat oleh kerajaan semasa PKP dan pandemik COVID-19. Bahagian ini merangkumi soalan-soalan yang berkaitan; (1) kaedah penyaluran maklumat am kepada rakyat adalah berkesan, (2)

Kandungan maklumat yang disampaikan oleh kerajaan adalah telus, dan (3) kandungan maklumat yang disampaikan oleh kerajaan adalah jelas. Manakala, terdapat empat soalan telah disediakan bagi mengukur pematuhan terhadap PKP semasa pandemik COVID-19. Kedua-dua bahagian ini menggunakan skala 1 hingga 5 yang mewakili 1 (Sangat tidak setuju), 2 (Tidak setuju), 3 (Tidak pasti), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju).

Prosedur Kajian

Kajian ini dimulakan dengan kajian literatur untuk menganalisa kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan. Kutipan data telah dijalankan selama dua minggu secara atas talian. Kemudian, analisis kekerapan telah digunakan bagi menganalisa data yang dikutip melalui kaedah agihan kaji selidik secara atas talian.

4. ANALISIS DATA

Profil Responden

Jadual 1 menunjukkan profil responden yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan maklumat latar belakang responden, majoriti responden merupakan perempuan iaitu sebanyak 677 (55.9%), manakala selebihnya 534 (44.1%) adalah lelaki. Kumpulan umur responden yang paling tinggi adalah di antara 26 hingga 39 tahun seramai 568 (46.9%), manakala yang paling rendah adalah di bawah umur 15 tahun, seorang (1) (0.08%). Responden kajian ini terdiri daripada majoriti berbangsa Melayu seramai 995 orang (82.2%) dan beragama Islam seramai 1,045 orang (86.3%). Lebih separuh daripada jumlah responden adalah berstatus berkahwin seramai 921 orang, (76.1%). Tahap pendidikan bagi majoriti responden adalah sarjana dan ke atas seramai 560 orang (46.2%). Selain itu, kajian ini memperlihatkan pekerjaan responden dengan majoritinya adalah penjawat awam seramai 924 orang (76.3%) dan majoriti responden berkhidmat/bekerja di perkhidmatan biasa (*Non Essential Services*) adalah seramai 859 orang (70.9%).

Jadual 1:

Profil Responden

| Profil Demografi | | Bilangan | Peratus |
|---------------------------------|----------------------|----------|---------|
| Jantina | Lelaki | 534 | 44.1 |
| | Perempuan | 677 | 55.9 |
| Umur | Bawah 15 Tahun | 1 | 0.10 |
| | 16 hingga 19 Tahun | 6 | 0.50 |
| | 20 hingga 25 Tahun | 56 | 4.60 |
| | 26 hingga 39 Tahun | 568 | 46.90 |
| | 40 hingga 65 Tahun | 563 | 46.50 |
| | 66 Tahun dan ke Atas | 17 | 1.40 |
| Bangsa | Melayu | 995 | 82.20 |
| | Cina | 33 | 2.70 |
| | India | 36 | 3.00 |
| | Bumiputera Sabah | 99 | 3.10 |
| | Bumiputera Sarawak | 38 | 8.20 |
| | Lain-lain | 10 | 0.50 |
| Agama | Islam | 1045 | 86.30 |
| | Kristian | 117 | 9.70 |
| | Hindu | 27 | 2.20 |
| | Buddha | 16 | 1.30 |
| | Lain-lain | 6 | 0.10 |
| Status Perkahwinan | Berkahwin | 921 | 76.10 |
| | Bujang | 247 | 20.40 |
| | Duda/Janda | 43 | 3.60 |
| Tahap Pendidikan | Sekolah Rendah | 8 | 0.7 |
| | Sekolah Menengah | 189 | 15.6 |
| | Diploma | 172 | 14.2 |
| | Ijazah Sarjana Muda | 282 | 23.3 |
| | Sarjana dan ke atas | 560 | 46.2 |
| Pekerjaan | Penjawat Awam | 924 | 76.3 |
| | Kakitangan Swasta | 123 | 10.2 |
| | Bekerja Sendiri | 87 | 7.2 |
| | Suri Rumah | 26 | 2.1 |
| | Pelajar | 20 | 1.7 |
| | Usahawan | 8 | 0.7 |
| | Tidak Bekerja | 23 | 1.9 |
| Jenis Perkhidmatan Pekerjaan | Perkhidmatan Biasa | 859 | 70.9 |
| | Perkhidmatan Perlu | 352 | 29.1 |

Keberkesanan Penyebaran Maklumat Berhubung Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Dan Penularan Wabak Covid-19

Keberkesanan penyebaran maklumat berhubung PKP dan penularan wabak COVID-19 diukur dengan empat soalan persepsi rakyat Malaysia. Jadual 2 menunjukkan dapatan maklum balas responden bagi keberkesanan penyebaran maklumat berhubung PKP dan penularan wabak COVID-19.

Jadual 2

Analisa Keberkesanan Penyebaran Maklumat Berhubung PKP dan Penularan Wabak COVID-19

| Instrumen | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|--|-----------------------|----------------|---------------|-------------|-----------------|
| | (Sangat Tidak Setuju) | (Tidak Setuju) | (Tidak Pasti) | (Setuju) | (Sangat Setuju) |
| Kaedah penyaluran maklumat berkaitan COVID-19 oleh kerajaan adalah berkesan. | 3 (0.2%) | 9 (0.74%) | 39 (3.2%) | 365 (30%) | 795 (66%) |
| Kekerapan penyampaian maklumat oleh Kerajaan adalah mencukupi. | 4 (0.2%) | 9 (0.7%) | 35 (2.89%) | 336 (30.1%) | 827 (68.3%) |
| Maklumat yang Disampaikan oleh Kerajaan adalah Telus | 4 (0.3%) | 16 (1.3%) | 66 (5.5%) | 405 (33.4%) | 720 (59.5%) |
| Kandungan Maklumat Oleh Kerajaan Adalah Jelas | 6 (0.5%) | 20 (1.7%) | 71 (5.9%) | 378 (31.2%) | 736 (60.8%) |

Soalan pertama adalah berkenaan kaedah penyaluran maklumat berkaitan COVID-19 oleh kerajaan. Dapatan kajian menunjukkan majoriti masyarakat amat bersetuju bahawa kaedah penyaluran maklumat berkaitan COVID-19 oleh kerajaan adalah berkesan 66% dengan 30% bersetuju dengan kenyataan tersebut. Jumlah peratusan yang tinggi ini menunjukkan bahawa kerajaan melalui kementerian dan agensi berkaitan telah menggunakan kaedah

penyaluran maklumat yang efektif seperti media sosial dan lain-lain kaedah penyampaian atas talian termasuk sidang media harian di beberapa rangkaian televisyen utama dan radio bagi menyampaikan maklumat penting berkaitan COVID-19 dengan cepat dan tepat kepada masyarakat umum. Walaubagaimanapun, 39 (3.2%) tidak pasti, manakala 3 (0.2%) responden tidak bersetuju bahawa kaedah penyaluran maklumat oleh kerajaan berkaitan COVID-19 adalah berkesan.

Soalan kedua pula adalah berkenaan kekerapan penyampaian maklumat berkaitan COVID-19 oleh kerajaan. Hasil kajian mendapati sebanyak 827 (68.3%) responden amat bersetuju bahawa kerajaan kerap menyampaikan maklumat berkaitan COVID-19. Sebanyak 336 (30.1%) responden bersetuju bahawa kerajaan kerap menyampaikan maklumat kepada rakyat. Ini dapat dilihat dengan kekerapan kerajaan melalui kementerian dan agensi berkaitan melakukan sidang media bagi menyampaikan maklumat berkaitan COVID-19 dan memperbetulkan salah-tanggapan masyarakat umum pada setiap hari sejak PKP dikuatkuasakan. Sebanyak 9 (0.7%) dan 3 (0.2%) responden yang berpandangan bahawa penyampaian maklumat berkaitan COVID-19 oleh pihak kerajaan tidak kerap dilaksanakan. Maka dapatlah disimpulkan bahawa pihak kerajaan telah berjaya menyampaikan maklumat dan isu-isu berkaitan pandemik ini dengan kadar kekerapan yang tinggi.

Manakala, soalan ketiga adalah berkenaan ketelusan kandungan maklumat berkaitan COVID-19 yang disampaikan oleh kerajaan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden seramai 720 orang (59.5%) amat bersetuju dan 405 orang (33.4%) maklumat yang disampaikan oleh kerajaan adalah telus. Faktor ini adalah didorong oleh kebolehpercayaan masyarakat terhadap maklumat yang disampaikan oleh kerajaan melalui media-media massa dan media sosial rasmi kerajaan. Selain daripada itu, 66 (5.5%) tidak pasti manakala 16 (1.3%) tidak bersetuju dan 4 (0.3%) responden amat tidak setuju terhadap pernyataan terbabit. Dapatan ini menunjukkan bahawa kerajaan telah menyampaikan maklumat berkaitan dengan COVID-19 secara telus kepada rakyat Malaysia.

Soalan terakhir dalam bahagian ini adalah berkenaan sama ada kandungan makluman berkaitan COVID-19 telah disampaikan oleh pihak kerajaan dengan jelas kepada orang ramai. Berdasarkan maklumbalas responden, majoriti daripada responden seramai 736 orang (60.8%) sangat

bersetuju dan 378 orang (31.2%) bersetuju bahawa kandungan maklumat berkaitan COVID-19 telah disampaikan oleh pihak kerajaan dengan jelas kepada orang ramai. Walaubagaimanapun, hanya 20 orang (1.7%) responden tidak bersetuju dan 6 orang (0.5%) sangat tidak bersetuju bahawa kandungan maklumat berkaitan pandemik COVID-19 disampaikan oleh kerajaan adalah jelas. Sebanyak 71 (5.9%) responden yang tidak pasti berkaitan dengan perkara ini.

Pematuhan Rakyat Terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan berkaitan tahap pematuhan rakyat terhadap PKP yang dilaksanakan mulai dari PKP Fasa 1 sehingga PKP Fasa 3. Kajian ini melihat kepada beberapa faktor penting iaitu kesedaran masyarakat, pematuhan, jumlah kompaun dan faktor keperluan keluar dari rumah. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, pematuhan rakyat kepada PKP adalah sangat penting bagi mengurangkan kes jangkitan wabak COVID-19. Interaksi di antara ahli masyarakat harus diterhadkan dan kepentingan kerjasama rakyat dalam menjayakan PKP. Di samping itu, ini merupakan pertama kali dalam sejarah di mana kerajaan menggunakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 untuk memerangi COVID-19.

Terdapat empat (4) soalan berkaitan dengan pematuhan rakyat terhadap PKP seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.

Jadual 3

Pematuhan Rakyat Terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

| Soalan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|--|-----------------------------|-------------------|------------------|----------------|--------------------|
| | (Sangat Tidak Setuju) | (Tidak Setuju) | (Tidak Pasti) | (Setuju) | (Sangat Setuju) |
| Tahap Kesedaran Masyarakat | 17 (1.4%) | 87 (7.2%) | 249 (20.6%) | 608 (50.2%) | 250 (20.6%) |
| Mengenai Peripenting Pelaksanaan PKP | | | | | |
| Keperluan Mematuhi Sepenuhnya PKP. | 1 (0.1%) | 3 (0.2%) | 21 (1.7%) | 294 (24.3%) | 892 (73.7%) |

| | | | | | |
|---|--------------|--------------|---------------|----------------|----------------|
| Hukuman dan Kompaun yang Dikenakan terhadap Pelanggar PKP adalah Wajar. | 38 (3.1%) | 62 (5.1%) | 111 (9.2%) | 381 (31.5%) | 619 (51.1%) |
|---|--------------|--------------|---------------|----------------|----------------|

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, secara keseluruhannya, bagi soalan pertama di bahagian ini, majoriti responden setuju dan sangat setuju bahawa masyarakat mempunyai tahap kesedaran yang baik mengenai kepentingan PKP di mana 608 (50.2%) responden setuju dan 250 (20.6%) responden sangat setuju. Walaubagaimanapun, terdapat 249 (20.6%) responden yang bersifat neutral, diikuti 87 (7.2%) responden tidak bersetuju dan 17 (1.4%) sangat tidak bersetuju. Oleh yang demikian, keadaan ini membuktikan bahawa rakyat mempunyai tahap kesedaran yang baik terhadap PKP.

Keadaan ini disokong dengan kadar kepatuhan rakyat sejak PKP Fasa 1 hingga Fasa 3 dijalankan. Mengikut rekod kadar kepatuhan berada di dalam lingkungan 90 hingga 99 peratus sejak ianya dilaksanakan. Di samping itu, PKP Fasa 1 yang dilaksanakan bermula 17 Mac 2020 telah menunjukkan kejayaan di mana tiada peningkatan kes baharu COVID-19 sepanjang dua minggu pelaksanaannya (Berita Harian, 2020f). Selain itu, kes-kes ingkar juga berjaya dikurangkan kepada 21.18% semasa PKP Fasa 2 sekaligus menunjukkan kesedaran masyarakat yang semakin meningkat (Berita Harian, 2020g). Hal ini menunjukkan masyarakat mempunyai tahap kesedaran yang baik terhadap kepentingan PKP dalam memerangi wabak penyakit COVID-19.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 pada soalan kedua di bahagian ini pula, secara keseluruhan jumlah responden yang menandakan setuju dan sangat setuju adalah seramai 294 (24.3%) dan 892 (73.7%). Hal ini menunjukkan masyarakat memahami dengan baik keperluan mereka untuk patuh kepada PKP. Manakala seramai 21 (1.7%) responden memilih neutral dan selebihnya memilih tidak setuju (3 (0.2%)) dan sangat tidak setuju adalah seorang (1 (0.1%)). Oleh yang demikian, keadaan ini membuktikan bahawa masyarakat mengetahui tentang kepentingan untuk mematuhi PKP seperti yang diperintahkan oleh pihak kerajaan.

Menurut Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, masyarakat perlu patuh kepada PKP sepenuhnya bagi mengelakkan diri dan keluarga dijangkiti


COVID-19 dan menjangkiti orang lain, mengekalkan tempat kediaman bebas daripada jangkitan COVID-19, menyekat tempat kediaman menjadi tempat penyebaran COVID-19 dan memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Di samping itu, trend jangkitan baharu yang semakin menurun mendorong kerajaan membenarkan aktiviti-aktiviti ekonomi beroperasi seperti biasa mengikut prosedur yang ditetapkan. Namun begitu, Dato' Sri Ismail Sabri mengingatkan masyarakat berkaitan keperluan untuk patuh kepada PKP dan tidak melanggarnya kerana pihak kerajaan akan terus menyambung PKP jika terdapat peningkatan kes-kes jangkitan baharu yang berlaku secara mendadak.

Akhir sekali, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 pada soalan ketiga di bahagian ini, secara keseluruhan responden setuju dan sangat setuju dengan kompaun dan hukuman yang dikenakan kepada terhadap pelanggar PKP adalah wajar iaitu seramai 381 (31.5%) responden dan 619 (51.1%) responden. Walaubagaimanapun, terdapat responden yang merasakan yang jumlah kompaun dan hukuman yang dikenakan tidak wajar iaitu tidak setuju seramai 62 (5.1%) dan sangat tidak setuju 38 responden (3.1%). Manakala selebihnya responden memilih neutral iaitu seramai 111 (9.2%). Oleh yang demikian, keadaan ini membuktikan yang masyarakat bersetuju dengan kadar kompaun dan hukuman yang dikenakan.

Walaubagaimanapun, faktor pemilihan tidak setuju dan sangat tidak setuju adalah kerana responden merasakan kadar kompaun dan hukuman tersebut adalah terlalu rendah dan hal ini telah menyebabkan ramai rakyat yang masih ingkar kepada PKP. Malaysia masih mengenakan kadar kompaun yang rendah berbanding negara-negara lain iaitu sebanyak RM1000 berbanding RM30,491 hingga RM60,982 bagi Singapura dan RM35,000 di Korea Selatan (Berita Harian, 2020e). Selain itu, pihak kerajaan juga akan mempertimbangkan untuk meningkatkan kadar kompaun dan menambah hukuman penjara disebabkan jumlah tangkapan yang masih ramai.

Rajah 1

Keperluan Keluar Rumah Dalam Tempoh Pelaksanaan PKP



Rajah 1 pula menunjukkan faktor-faktor keperluan responden keluar rumah dalam tempoh pelaksanaan PKP - PKPB. Hasil kajian mendapati, membeli barang dapur dan harian merupakan sebab yang paling utama untuk responden keluar rumah ketika perlaksanaan PKP - PKPB iaitu seramai 1,103 (91%) responden. Keluar untuk urusan bank dan keluar bekerja merupakan sebab kedua dan ketiga tertinggi iaitu seramai 695 (57%) dan 596 (49%) responden masing-masing. Seramai 441 (36%) responden keluar rumah untuk mendapatkan rawatan di hospital. Manakala Seramai 412 (34%) responden

terpaksa keluar rumah semasa PKP – PKPB dilaksanakan kerana diarahkan oleh majikan untuk bekerja. Sebab-sebab seterusnya adalah yang kurang daripada 20% adalah membeli makanan di tempat biasa iaitu sebanyak 235 (19%) responden, urusan penghantaran pos pula adalah seramai 194 (16%) responden, membeli keperluan harian yang hanya boleh diperolehi di luar tempat tinggal 183 (15.1%) responden, melawat keluarga seramai 151 (12.5%) responden dan lokasi tempat bekerja di pusat bandar 139 (15.1%) responden. Lain-lain sebab (seperti di lampiran) adalah di bawah 10%.

5. RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Rumusan

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pihak kerajaan Malaysia telah berjaya dalam usaha untuk menyampaikan maklumat berkaitan pandemik COVID-19 menerusi sidang media harian di rangkaian televisyen dan radio utama di Malaysia serta melalui media atas talian kepada masyarakat dengan majoriti daripada responden berpandangan kaedah penyaluran maklumat berkaitan COVID-19 oleh kerajaan adalah baik. Selain daripada itu, majoriti daripada responden turut bersetuju bahawa pihak kerajaan telah menyampaikan maklumat dan isu-isu berkaitan dengan pandemik ini dengan kadar kekerapan yang mencukupi. Kebolehpercayaan responden terhadap kandungan maklumat berkaitan COVID-19 oleh pihak kerajaan juga adalah tinggi. Kaedah penyampaian maklumat yang efektif oleh pihak kerajaan turut dapat dibuktikan dari hasil analisa dengan majoriti daripada responden mempunyai persepsi bahawa pihak kerajaan telah berjaya menyampaikan maklumat serta fakta berkaitan COVID-19 dengan jelas, tepat dan telus.

Selain itu, tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pelaksanaan PKP–PKPB bagi mengawal penularan wabak COVID-19 adalah baik. Ini adalah kerana, lebih dari separuh responden bersetuju dengan kenyataan tersebut. Kesan dari tahap kesedaran yang baik, majoriti responden sangat bersetuju dengan keperluan memberi kerjasama bagi mematuhi PKP–PKPB sepenuhnya. Selari dengan petikan satu temubual, menurut Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob semasa program Bersama Bernama TV, “*rakyat Malaysia faham tentang apa perlunya PKP dijalankan dan tahap pematuhan adalah sangat tinggi secara keseluruhan walaupun ketika PKP pertama kali dikuatkuasakan*”. Tentang kadar kompaun dan hukuman yang dikenakan

terhadap pelanggar PKP, majoriti responden amat bersetuju yang ianya adalah wajar sekali. Selain dari itu, hasil kajian mendapati, membeli barang dapur dan keperluan harian merupakan tujuan yang paling utama responden keluar rumah ketika perlaksanaan PKP–PKPB.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan penyebaran maklumat berkenaan pandemik COVID-19 serta PKP adalah berkesan di kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu, didapati juga, responden mempamirkan tahap kepatuhan yang tinggi terhadap PKP yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh pandemik. Ini berkemungkinan besar disebabkan oleh keberkesanan penyebaran dan penyampaian maklumat oleh kerajaan bagi mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku masyarakat. Peranan stesen televisyen, radio dan media sosial rasmi kerajaan masih menjadi pilihan utama masyarakat Malaysia. Masyarakat kini telah mempunyai kesedaran yang tinggi dalam memastikan hanya menerima dan mempercayai maklumat yang sahih daripada sumber yang dipercayai sahaja. Kesedaran seperti ini telah menyebabkan keberkesanan penyebaran maklumat berkaitan dengan pandemik COVID-19 serta PKP yang telah dilaksanakan adalah tinggi di kalangan masyarakat Malaysia dan sudah pasti, penyebaran berita palsu dan penularan virus COVID-19 dapat dikekang.

RUJUKAN

- Azmi, A. L. (2020d). Pentingkan Diri Punca Ingkar PKP. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2020/05/683707/pentingkan-diripunca-ingkar-pkp>
- Basir, N., Ab Rahim, I. S., dan Halim, M. Z. A. (2020). Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme Melalui Perangkaan Data Kes COVID-19 di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 11-31.
- Chinazzi, et al. (2020). The Effect of Travel Restrictions On The Spread Of The 2019 Novel Coronavirus (COVID -19) outbreak, *Science*, 6.
- DiGiovanni, C., Conley, J., Chiu, D., dan Zaborski, J. (2004). Factors influencing compliance with quarantine in Toronto during the 2003 SARS outbreak. *Biosecurity and bioterrorism: biodefense strategy, practice, and science*, 2(4), 265-272.
- Hanrahan, C. & Liddy, M. (2020). Coronavirus Data Shows Our Isolation Regime is a Marathon, Not a Sprint. *ABCNEWS*
<https://www.abc.net.au/news/2020-04-03/coronavirus-data-modellingcovid19-stay-home/12114978>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2020). Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia. *Berita Harian*.
<https://kpkesihatan.com/2020/03/08/kenyataan-akhbar-kkm-8-mac-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia>
- Kraemer, J. (2006). Quantitation of social variables in epidemics: a computational modeling approach. Master's thesis at Bloomberg School of Public Health.
- Luqman Arif, A. K. (2020g). Tangkapan Ingkar PKP Turun 21.18 Peratus. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672853/tangkapan-ingkar-pkpturun- 2118-peratus>

- Maunder, R., Hunter, J., Vincent, L., Bennett, J., Peladeau, N., Leszcz, M., dan Mazzulli, T. (2003). The immediate psychological and occupational impact of the 2003 SARS outbreak in a teaching hospital. *CMAJ*, 68(10), 1245-1251.
- Melati, M. A. (2020b). COVID-19: Degil akan Membawa Padah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677758/COVID-19-degil-akanmembawa-padah>
- Nussbaumer-Streit, B., Mayr, V., Dobrescu, A. I., Chapman, A., Persad, E., Klerings, I., dan Gartlehner, G. (2020). Quarantine alone or in combination with other public health measures to control COVID-19: a rapid review. *Cochrane Database of Systematic Reviews*, 4.
- Osman, A. (2020a). Intipati Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/670078/inti-pati-pakej-rangsanganekonomi-prihatin-rakyat>
- Rafidah, M. R. & Noor Atiqah, S. (2020f). COVID-19: PKP Fasa 1 ada Kejayaan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671806/COVID-19-pkp-fasa-satuada-kejayaan>
- Rohaniza, I. (2020e). COVID-19: KKM, AGC Akan Kaji Nilai Kompaun Ingkar PKP .*Berita Harian*. <http://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675442/COVID-19-kkmagcakan-kaji-nilai-kompaun-ingkar-pkp>
- Rozita, T. (2020). *Kajian kes impak perintah kawalan pergerakan kepada penduduk Malaysia*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/20/DOSM_BPPD_1-2020_Siri-17.pdf
- Safeek, A. R. (2020c) Guna Dron Sampaikan Mesej PKP di 12 Lokasi Panas. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/668791/COVID-19-guna-dronsampaikan-mesej-pkp-di-12-lokasi-panas-64>

Shafizan, Johari (May, 24, 2020). COVID-19: Tiga strategi kerajaan Malaysia dipuji pakar Indonesia. *Astro Awani*.

[https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-tiga-strategi-kerajaan-malaysia-dipuji-pakar-indonesia- 244137.](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-tiga-strategi-kerajaan-malaysia-dipuji-pakar-indonesia-244137)

Zheng, L., Li, H., & Chen, K. (2020). Effective Risk Communication for Public Health Emergency: Reflection on the COVID-19 (2019-nCoV) Outbreak in Wuhan, China. *Healthcare*.

<https://doi.org/10.3390/healthcare8010064>